

Tindakan mansuh cukai, bergantung hasil minyak langkah kurang bijak

BH 4/5

Putrajaya: Langkah memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan digantikan dengan kebergantungan terhadap pendapatan hasil komoditi seperti petroleum adalah satu tindakan kurang bijak.

Timbalan Setiausaha Bahagian (Sektor Dasar Cukai Tidak Langsung dan GST) Kementerian Kewangan, MA Sivanesan berkata ini berikutan peranan GST sebagai satu bentuk cukai penggunaan yang begitu stabil dalam apa juga keadaan ekonomi, sekali gus memberi kestabilan kepada pendapatan kerajaan.

"Ini berbanding komoditi seperti petroleum yang mana aspek kenaikan dan penurunan harganya adalah sukar dikawal berikutan faktor luaran.

"Oleh itu, (tindakan) kebergantungan kepada hasil minyak itu bukanlah satu pilihan yang bijak," katanya kepada BERNAMA dalam temu bual di sini kelmarin.

Beliau turut menyifatkan tindakan pemansuhan GST sebagai tidak wajar dan bersifat 'mundur' berikutan objektif asal GST yang diperkenalkan pada 2015 adalah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap hasil petroleum berdasarkan pengalaman kerajaan berdepan krisis kejatuhan harga minyak global.

"Kalau kita lihat pada 2016, apabila harga minyak dunia jatuh kepada lebih kurang AS\$30 satu tong, ia memberi impak sebanyak RM30 billion kepada ekonomi kita.

"Sehubungan itu, tindakan bergantung kepada hasil minyak bukanlah satu cara yang terbaik," katanya.

Keberkesanan GST

Malah, keberkesanan GST yang telah diguna pakai di lebih 160 negara turut menarik minat sekurang-kurangnya tiga negara lagi untuk melaksanakannya selepas Malaysia iaitu India, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu.

Selain itu, beliau berkata dawaan bahawa GST sebagai punca kenaikan kos sara hidup juga tidak tepat kerana kajian selepas pelaksanaannya pada 2015 menunjukkan kenaikan inflasi akibatnya adalah kurang daripada 1.0 peratus.

Sebaliknya, antara faktor kenaikan kos sara hidup adalah permintaan terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan yang melebihi penawaran serta kadar tukaran mata wang asing yang memberi impak terhadap produk import.

"Kita perlu akui bahawa sebahagian besar barangan yang

kita gunakan adalah diimport dan bukan semua dihasilkan dalam negara. Apabila berlaku kejatuhan nilai ringgit, ianya memberi impak kepada harga," katanya.

Sivanesan berkata, model GST yang diguna pakai Malaysia juga bertujuan memastikan barang-barang asasi dan perkhidmatan tertentu dikecualikan daripada GST dengan komponen besarnya merangkumi barang makanan dan perkhidmatan pengangkutan.

Kadar tak membebankan

Beliau menegaskan, kadar enam peratus yang dikenakan ketika ini adalah 'neutral' dan bukannya bertujuan melonjakkan pendapatan kerajaan secara drastik sebaliknya memadai bagi menggantikan hasil daripada cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang dihapuskan bagi pelaksanaan GST.

"Kerajaan sangat berhati-hati untuk memastikan kadar itu tidak membebankan dan hasil yang dikutip adalah neutral berbanding kutipan SST terdahulu," katanya.

Sivanesan berkata, demi memastikan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana tidak terbeban dengan GST, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif

termasuk pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada golongan yang layak berbanding subsidi secara pukal sebelum ini.

Selain bantuan khas, kerajaan turut mengurangkan kadar cukai pendapatan dengan objektif untuk menambah pendapatan boleh guna isi rumah, sekali gus mengekalkan kuasa beli rakyat.

Struktur GST di Malaysia turut memberi pengecualian serta berkadar sifar membabitkan 31 kategori barangan dan perkhidmatan selepas mengambil kira keadaan sosioekonomi masyarakat di negara ini, katanya.

Malah, kata Sivanesan, walaupun pertubuhan antarabangsa termasuk Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa menggesa supaya skop pelepasan dan pengenaan kadar sifar GST dikaji semula, namun kerajaan tidak mempunyai perancangan sedemikian ketika ini.

"Kita lihat senarai barang yang diberi kadar sifar atau pun pengecualian, memberi kesan begitu baik ke atas kemajuan cukai. Maksudnya rakyat berpendapatan rendah tetap akan terpelihara dan tidak terbeban dengan kesan GST," katanya.

BERNAMA